A

Re Geoffrey Robertson

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL-USUL PEMULA NO R2-17-31 TAHUN 1999, R2-17-32 TAHUN 1999, R2-17-33 TAHUN 1999 DAN R2-17-34 TAHUN 1999

FAIZA TAMBY CHIK H

B 27 SEPTEMBER 1999

Profession Undang-Undang *— Kemasukan — Ad hoc — Guaman fitnah membangkitkan isu-isu serius dan rumit — Sama ada isu-isu serius dan rumit boleh dikendalikan oleh peguambela dan pengumcara tempatan — Beban atas pemohon —* C *Sama ada pemohon mahir dalam undang-undang perlembagaan yang dikatakan perlu untuk guaman-guaman fitnah tersebut*

Pemohon, seorang Peguam Di-Raja British, telah memohon supaya beliau diterima masuk secara ad hoc sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya untuk hadir sebagai peguam utama bagi pihak Raphael Pura, defendan dalam beberapa kes-kes D guaman fitnah yang dikatakan membangkitkan isu-isu serius dan rumit. Dihujahkan, antara lain, bahawa pemohon mempunyai pengkhususan dan kepakaran di dalam bidang undang-undang fitnah serta media, dan maka, pengkhususan, kepakaran, kelayakan dan pengalaman khas pemohon di dalam bidang undang-undang yang E tersebut adalah satu sifat yang tidak sedia wujud di kalangan peguambela dan peguamcara yang mengamal buat masa ini di Malaysia.

Diputuskan, menolak permohonan tersebut:

F Beban terletak di atas bahu pemohon untuk membuktikan bahawa kelayakan atau kepakaran khas dalam bidang tersebut tidak dimiliki oleh peguambela dan peguamcara Malaysia. Namun, pemohon gagal berbuat demikian. Juga tiada sebarang keterangan yang menunjukkan pemohon adalah mahir dan berkebolehan dalam undang-undang perlembagaan terutamanya kemahiran dan pengetahuan mengenai G Perlembagaan Malaysia (lihat ms 105H–106A).

[English summary

The applicant, a Queen Counsel, had applied to be accepted on an ad H hoc basis as an advocate and solicitor of the High Court of Malaya to attend as the chief advocate for Rapheal Pura, the defendant in several suits on defamation which were said to have raised serious and complicated issues. It was argued, inter alia, that the applicant had expertise and had specialized in the law of defamation and media, and therefore, specialization, expertise, qualification and the special I experience of the applicant in the said branch of law is an element which is non existent among the practising advocates and solicitors in Malaysia.

Held, dismissing the application: A

The burden was on the applicant to prove that the qualification and the special expertise in the said field was not possessed by an advocate and solicitor of Malaysia. However, the applicant failed to do so. There was also no evidence which shows that the applicant was skillful and capable in constitutional law especially skill and knowledge in respect of the Malaysian Constitutional (see pp 105H–106A).] B

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemasukan, lihat 9 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 1345–1363. C

Kes-kes yang dirujuk

Andrew Hilary Caldecott QC, Re [1998] 6 MLJ 718 (refd)
Charles Gray, QC Re [1998] 3 MLJ 413 (refd)
Geoffrey Robertson, Re Usul Pemula No R1-17-3-98 (refd) D
Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (M) Bhd [1993] 1 MLJ 408 (refd)
Lee Kuan Yew v Chin Vui Khan & Anor [1991] 3 MLJ 494 (refd)
Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281 (refd)
Reynolds v Times Newspapers [1998] 3 All ER 961 (refd)
Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun v Haji Hasan bin Hamzah & Ors E [1995] 1 MLJ 39 (refd)

Perundangan yang dirujuk

Akta Profesyen Undang-Undang 1976 s 18(1)
Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 3(1) perenggan (a), (b) dan (c) F
Perlembagaan Persekutuan Perkara 10

Muhammad Shafee Abdullah (*Shafee & Co*) untuk pemohon.
Zaiton Zawiyah (Kamar Peguam Negara) untuk Peguam Negara.
Yasmeen bte Hj Muhamad Shariff untuk Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur. G

Faiza Tamby Chik H: Dalam keempat-empat kes di atas, pemohon memohon supaya beliau diterima masuk secara ad hoc sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan didaftaraikan nama dan penerimaan masuknya oleh pendaftar menurut s 18(1) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 untuk hadir sebagai peguam utama bagi pihak H Raphael Pura, defendan dalam kes-kes berikut:

(1) Guaman Sivil MTKL No S1-23-41-1996, satu guaman fitnah yang dibawa oleh Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun, Berjaya Industrial Bhd dan Berjaya Corp (Cayman) Ltd terhadap Raphael Pura; I

(2) Guaman Sivil MTKL No S1-23-51-1996, satu guaman fitnah yang dibawa oleh MBf Capital Bhd dan MBf Northern Securities Sdn Bhd terhadap Raphael Pura;

(3) Guaman Sivil MTKL No S5-22-90-1996, satu guaman fitnah yang dibawa oleh Dato' V Kanagalingam terhadap Raphael Pura;

(4) Guaman Sivil MTKL No S2-23-42-1996, satu guaman fitnah yang dibawa oleh Insas Bhd dan Megapolitan Nominees Sdn Bhd terhadap Raphael Pura.

Alasan yang diberikan adalah bahawa kes-kes guaman fitnah berkenaan melibatkan persoalan undang-undang yang serius dan rumit dan melibatkan interaksi beberapa bidang undang-undang, khususnya bidang undang-undang fitnah dan media. Isu-isu yang timbul di dalam guaman berkenaan juga bersangkut-paut dengan persoalan keperlembagaan. Dihujahkan juga bahawa pemohon adalah seorang peguam ternama yang mempunyai pengkhususan dan kepakaran di dalam bidang undang-undang fitnah dan media. Dihujahkan lagi bahawa pengkhususan, kepakaran, kelayakan dan pengalaman khas pemohon di dalam bidang undang-undang yang tersebut adalah satu sifat yang tidak sedia wujud di kalangan peguambela dan peguamcara yang mengamal buat masa ini di Malaysia.

Majlis Peguam Malaysia yang tidak hadir dan tidak diwakili oleh sebarang peguam pada hari perbicaraan telah mengikrarkan satu afidavit bertarikh 23 September 1999 (lihat lampiran 7). Di dalamnya, Setiausaha Majlis Peguam Malaysia, Roy Rajasingham telah menyatakan pada perenggan tiga seperti berikut:

> Majlis Peguam sesungguhnya percaya bahawa pemohon mempunyai pengalaman yang amat luas di dalam bidang fitnah dan undang-undang media dan bahawa beliau mempunyai kelayakan khusus dan pengalaman yang mana tidak terdapat di kalangan peguambela dan peguamcara yang kini sedang beramal di Malaysia dan Majlis Peguam berpendapat bahawa pemohon adalah seorang yang layak dan patut diterima masuk dan didaftaraikan secara ad hoc sebagai kaunsel utama di dalam tindakan yang berada di depan Mahkamah yang mulia ini.

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur telah diwakili oleh Cik Yasmeen yang memberitahu mahkamah bahawa Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur tidak membantah permohonan tersebut, sebaliknya menyokongnya.

Peguam Negara telah diwakili oleh Dato' Zaiton Zawiyah yang telah membuat bantahan terhadap permohonan ini dengan menghujahkan bahawa guaman-guaman fitnah berkenaan tidak melibatkan persoalan undang-undang fitnah, media dan perlembagaan yang sukar dan rumit. Sebaliknya, hujah beliau guaman-guaman berkenaan tidak melibatkan isu fitnah yang novel dan kompleks sehingga memerlukan perkhidmatan pemohon. Saya bersetuju dengan hujah yang diutarakan oleh Dato' Zaiton Zawiyah bahawa pembelaan justifikasi, komen berpatutan serta perlindungan bersyarat sering diplidkan dalam tindakan-tindakan fitnah dan perkara-perkara itu telah dihujahkan dengan jayanya oleh peguambela dan peguamcara tempatan. Perkara ini tidak sama sekali novel atau baru di dalam undang-undang fitnah. Dapat diperhatikan bahawa dalam kes-kes *Lee Kuan Yew v Chin Vui Khan & Anor* [1991] 3 MLJ 494, *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (M) Bhd* [1993] 1 MLJ 408, *Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun v Haji Hasan bin*

Hamzah & Ors [1995] 1 MLJ 39, *Re Charles Gray QC* [1998] 3 MLJ 413, *Re Geoffrey Robertson* Usul Pemula No R1-17-3-98 dan *Re Andrew Hilary Caldecott QC* [1998] 6 MLJ 718, pembelaan justifikasi, komen berpatutan dan perlindungan perkara 10 Perlembagaan Persekutuan telah dibangkitkan dan dihujahkan dengan kompetennya oleh peguambela dan peguamcara tempatan seperti Cecil Abraham, DJ Puthucheary, Karpal Singh, Raja Aziz Addruse, Mak Weng Kwai, Muhammad Shafee Abdullah, Dato' Kam Woon Wah dan Robert Lazar seperti yang tertera dalam kes-kes yang disebutkan di atas. Dapat diperhatikan bahawa kebanyakan isu-isu yang berkaitan merupakan isu-isu biasa yang sering terdapat dalam kes-kes fitnah dan isu-isu tersebut melibatkan interpretasi dan pemakaian Akta sahaja. Akan tetapi, En Muhamad Shafee Abdullah telah berhujah bahawa kedudukan pembelaan keistimewaan bersyarat di dalam 'common law' (position of the common law of qualified privilege) yang defendan bergantung berada di dalam kedudukan yang tidak jelas dan kabur dan ia akan bergantung pada keputusan House of Lords dan kes *Reynolds v Times Newspapers* [1998] 3 All ER 961. Encik Muhamad Shafee menghujahkan bahawa kes-kes fitnah yang beliau sebutkan pada awal tadi berkemungkinan akan menjadi kes fitnah yang pertama dalam komanwel mengambil pakai ujian *Reynolds* seperti yang bakal dirumuskan oleh para hakim House of Lords. Sayugia diingati bahawa jika pun ada kes-kes dari United Kingdom yang ingin dirujuk bagi menerangkan dan menjelaskan prinsip-prinsip 'common law' di England dan 'rules of equity', kes-kes berkenaan hanya boleh dipakai di Malaysia jika tidak ada apa-apa undang- undang bertulis di Malaysia mengenai sesuatu perkara itu. Itu pun harus diingati bahawa prinsip-prinsip common law di England dan rules of equity selepas 7 April 1956 di Malaysia Barat, selepas 1 Disember 1951 di Sabah dan selepas 12 Disember 1949 di Sarawak seperti yang disebutkan dalam perenggan (a), (b) dan (c) bagi s 3(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956 tidak mengikat mahkamah-mahkamah di Malaysia. Perlu diingati bahawa pemakaian prinsip 'common law' di England dan 'rules of equity' itu adalah tertakluk kepada proviso kepada s 3(1) tersebut iaitu kepada adat resam dan budaya penduduk-penduduk di Malaysia. Bayangkanlah siapa lebih arif lagi berpengalaman mengenai adat resam dan budaya penduduk-penduduk di Malaysia daripada peguam-peguam tempatan. Bak kata YAA Tun Dato' Seri Mohd Eusoff bin Chin, Ketua Hakim Negara Malaysia dalam suatu pekeliling bertarikh 25 Mei 1999 kepada semua para Hakim-Hakim Atasan, hakim sesyen, pendaftar, penolong kanan pendaftar dan majistret:

> Oleh itu, janganlah kita terburu-buru untuk menerima pakai keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah-Mahkamah di England selepas tarikh pakai yang ditetapkan oleh s 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956.

Tepat sekali kata-kata bernas dan lojik YAA itu. Negara telah mencapai kemerdekaan selama 42 tahun. Adalah tidak lojik seperti yang diikrarkan oleh Setiausaha Majlis Peguam Malaysia bahawa dalam bidang fitnah dan undang-undang media di Malaysia, kelayakan khusus dan pengalaman istimewa pemohon tidak terdapat di kalangan peguambela dan peguamcara yang kini sedang beramal di Malaysia. Saya tidak bersetuju dengan pendapat Majlis Peguam Malaysia itu. Seperti yang saya sebutkan, nama-

A nama peguam tempatan dalam kes-kes fitnah di atas tadi, sekarang terdapat beberapa orang peguambela dan peguamcara tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang setanding dengan pemohon. Kalau beginilah sikap sesetengah peguam kita, maka harapan negara supaya timbul pada suatu masa yang akan datang common law Malaysia akan menjadi suatu impian sahaja. Peguam-peguam tempatan fasih berbahasa B Inggeris dan mahir dan berpengetahuan luas dalam undang-undang common law Inggeris dan rules of equity. Tiada sebab mengapa mereka tidak boleh mengendalikan apa sahaja kes yang difailkan di mahkamah Malaysia kerana, selain daripada itu, mereka juga arif dan hidup dan tinggal dalam kebudayaan dan adat resam berbagai bangsa di Malaysia.

C Penghujahan mengenai perkara 10 Perlembagaan Persekutuan telah pun dibuat dengan jayanya oleh peguambela dan peguamcara tempatan. Dalam kes ini, pemohon tidak dinyatakan sebagai fasih dan arif mengenai Perlembagaan Malaysia. Tiada sebarang keterangan lisan mahupun dokumentari dikemukakan mengenainya.

D Dapat diperhatikan bahawa pemohon mempunyai rekod akademik yang cemerlang. Beliau adalah seorang 'Rhodes scholar' dan memperolehi ijazah BCLnya daripada Universiti Oxford pada tahun 1972 dan dilantik sebagai Peguam Di-Raja pada tahun 1988. Beliau juga adalah seorang 'Master of the Bench of the Middle Temple' pada tahun 1977. Baru-baru ini, beliau telah dilantik sebagai 'Recorder' di United Kingdom. Namun E demikian, dalam kes ini, pemohon tidak menunjukkan mempunyai kelayakan atau pengalaman istimewa mengenai guaman-guaman sivil berkenaan yang tidak terdapat di kalangan peguambela dan peguamcara tempatan.

Mula-mula sayugia diingatkan di sini bahawa guaman fitnah adalah F satu kes fitnah yang mudah dan jelas dan tidak membangkitkan sebarang perkara undang-undang yang rumit dan unik yang membawa kepada dimensi perlembagaan. Dapat diperhatikan bahawa pemohon tidak menunjukkan di dalam afidavitnya penjelasan yang khusus dan mencukupi isu-isu serius dan rumit yang dikatakan telah berbangkit dalam kes-kes guaman fitnah tersebut yang tidak boleh dikendalikan oleh seorang G peguambela dan peguamcara tempatan. Pada hakikatnya, tiada sebarang jawapan terperinci diberikan oleh pemohon tentang penegasan pihak Peguam Negara bahawa guaman-guaman sivil tersebut sememangnya boleh dikendalikan dengan secukupnya oleh peguambela dan peguamcara tempatan. Kerananya menurut kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281, di mana sesuatu pihak telah membuat penegasan H positif tentang suatu isu material, kegagalan penentangnya untuk menyangkal isu itu biasanya disifatkan sebagai suatu pengakuan olehnya tentang fakta yang ditegaskan itu. Dalam kes ini, beban terletak di atas bahu pemohon untuk membuktikan bahawa kelayakan atau kepakaran khas dalam bidang tersebut tidak dimiliki oleh peguambela dan peguamcara I Malaysia. Namun demikian, pemohon gagal berbuat demikian.

Pada akhirnya, tiada sebarang keterangan sama ada bersifat dokumentari atau lisan yang menunjukkan pemohon adalah mahir dan

berkebolehan dalam undang-undang perlembagaan terutamanya kemahiran dan pengetahuan mengenai Perlembagaan Malaysia.

Atas alasan di atas, saya menolak dengan kos semua permohonan pemohon menerusi setiap lampiran 1 masing-masing bertarikh 16 Jun 1999 dalam keempat-empat kes di atas.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee